



SUMBER :

ELEKTRONIK

Headline: Bangunan Sultan Abdul Samad bermandi cahaya merah jambu

Publication: HM

Date of publication: Oct 21, 2010

Section heading: Variasi

Page number: 011

BANGUNAN Sultan Abdul Samad di hadapan Dataran Merdeka dilimpahi cahaya merah jambu sebagai tanda bermulanya kempen kesedaran kanser payudara (BCA) anjuran syarikat Estee Lauder Malaysia (Estee Lauder).

Kempen berkenaan juga dianggap kempen terbesar syarikat berkenaan untuk memastikan keberkesanan penyebaran mesej kepada semua lapisan masyarakat.

Pemilihan **bangunan** bersejarah itu amat tepat kerana pada kempen sebelum ini, pusat beli-belah terkemuka, Pavilion (2007) dan Menara Kuala Lumpur (2008 serta 2009) menjadi lokasi pilihan.

Bagaimanapun, kempen kali ini mencatat **sejarah tersendiri** kerana bukan **bangunan Sultan Abdul Samad** saja yang dilimpahi cahaya merah jambu, tetapi Menara Kuala Lumpur turut mengekalkan komitmen terhadap usaha murni berkenaan.

Sejak 13 tahun lalu, syarikat itu sudah mengedarkan lebih 550,000 kad pemeriksaan sendiri payudara selain turut menderma sebanyak RM1.6 juta kepada pelbagai pertubuhan seperti Persatuan Kebajikan Barah Payu Dara (BCWA), Kolej Radiologi Malaysia, Majlis Kanser Nasional (Makna) dan Yayasan Penyelidikan Inisiatif Kanser.

Kempen itu adalah rentetan usaha Estee Lauder Companies (ELC) Inc, khasnya Evelyn Lauder dan Naib Presiden Korporat Kanan, Alexander Penney.

Evelyn meletuskan idea reben merah jambu yang kemudiannya menjadi objektif penting ke arah memerangi kanser payudara di kalangan wanita pada 1992.

Kini, usaha itu menjangkau lebih 140 negara di seluruh dunia dan selepas 18 tahun, Yayasan Penyelidikan Kanser Payu Dara yang ditubuhkan Evelyn berjaya mengumpul lebih AS\$200 juta (RM640 juta) bagi tujuan penyelidikan kanser dan membangkitkan kesedaran jutaan manusia dengan reben simbolik itu.

Pengarah Urusan Estee Lauder, Loo Kai Nan, berkata pihaknya gembira kempen yang memasuki tahun keempat itu mendapat sambutan serta sokongan ramai.

Dalam usaha memerangi kanser payudara di negara ini, Estee Lauder mengambil kesempatan melaksanakan aktiviti lebih besar yang diharapkan memberi lebih impak pada setiap tahun.

"Ia merangkumi jadual padat bermula dengan bengkel kecantikan Look Good, Feel Better akhir Julai lalu yang memberi semangat dan harapan kepada pesakit kanser agar dapat mengawal kesan sampingan fizikal akibat rawatan.

"Turut diadakan kembara promosi serta khidmat nasihat dan klinikal tanpa sebarang bayaran," katanya ketika majlis pelancaran di ibu negara, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbangan Menteri II Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Senator Datuk Maglin D'Cruz; Ketua Pegawai Eksekutif Menara KL, Zuraidah Mohd Said; Pengarah Urusan Hwa Tai Industries Berhad, Airique Soo dan Pengerusi Jawatankuasa Kempen BCA Estee Lauder 2010, Michael Liew.

Sementara itu, inisiatif Pencahayaan Mercu Tanda yang dilancarkan 10 tahun lalu itu bertujuan menumpukan perhatian global terhadap isu kanser payudara dengan menerangi ratusan mercu tanda di seluruh dunia.

Antara mercu tanda yang pernah menyertai kempen itu termasuk Empire State Building, Niagara Falls, menara condong Pisa, **bangunan** Taipei 101 dan Menara KL.

Pada masa sama di New York, sebanyak 38 mercu tanda bersejarah mencatatkan Rekod Dunia Guinness sebagai mercu tanda paling banyak diterangi bagi tujuan tertentu dalam tempoh 24 jam.

Headline: Bahasa, budaya Melayu perlu dijadikan tonggak pembentukan Malaysia

Publication: BH

Date of publication: Dec 1, 2010

Section heading: Main Section

Page number: 024

Byline / Author: Oleh Azrul Affandi Sobry; Ratinawati Rasidi

BAHASA dan budaya Melayu perlu dijadikan tonggak utama dalam cara hidup rakyat berbilang kaum di negara ini. Ia bagi memastikan gagasan 1Malaysia dilaksanakan dalam konteks warisan budaya, namun dalam masa sama tidak mengetepikan kebudayaan bangsa lain.

Jika penerimaan dilakukan secara terbuka, mungkin tidak wujud lagi warga negara yang bertutur pelat dalam Bahasa Melayu. Juga, tidak berlaku perbuatan mengetepikan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi. Sebaliknya, memahami **sejarah** dapat membantu rakyat faham kenapa Perlembagaan itu dibentuk seperti apa yang termaktub dan dikuatkuasakan sekarang.

Nilai penerimaan dan menghormati Perlembagaan perlu wujud dikalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Golongan muda adalah antara yang tersasar jauh dan tidak memahaminya. Ini kerana wujudnya usaha mengelirukan pemikiran mereka hingga lahir tindakan dan tuntutan yang bercanggah dengan apa yang dipersetujui pemimpin terdahulu.

Sama rata antara kaum adalah sesuatu yang mustahil dapat dipraktikkan di negara ini. Ini semua berpunca kerana wujudnya kelompok politik yang terlalu taksub untuk berkuasa dan konon mahu mentadbir negara. Akhirnya mereka sanggup mencabar kedaulatan undang-undang yang dipersetujui ketika cadangan untuk menerima 'orang luar' menjadi sebahagian daripada warga negara ini.

Di pentas Forum Jati Diri Siri Ke-4, di Dewan Bestari, Jabatan Penerangan di ibu negara, tokoh budaya, Datuk Aziz Deraman, menegaskan tidak mungkin wujud sama rata dikalangan masyarakat di negara ini kerana secara nyata wujud perbezaan seperti kepelbagaian kaum, penduduk di bandar dan luar bandar selain bahasa, budaya malah kepercayaan.

"Sama rata kalau kita menujuhkan negara baru seperti Amerika. Kita masuk beramai

ramai dan menubuhkan satu negara baru. Malaysia bukan negara baru (kerana) 2,000 tahun sudah tertulis (**sejarah**) sebelum itu. Akar itu sudah ada," katanya ketika mengupas tajuk Warisan Budaya Dalam Konteks 1Malaysia bersama seorang lagi ahli panel iaitu Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Lim Swee Tin. Ia dipengerusikan oleh Ketua II GAPENA, Prof Datuk Dr **Abdul** Latiff Abu Bakar.

Forum anjuran bersama Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) dengan kerjasama GAPENA, Persatuan Sarjana Komunikasi dan Media Malaysia (PERSKOM) serta Jabatan Penerangan. Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Datuk Abdullah Morad; Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid, serta Pengarang Eksekutif (Rencana), Zainor Said.

Aziz berkata, wujudnya masalah bahasa kerana orang ramai keliru untuk membezakan antara hak negara dengan hak kaum masing-masing. Bahasa sukuan, dialek baik dalam bahasa Cina mahupun India adalah milik peribadi tetapi perlu mengutamakan Bahasa Melayu kerana ia adalah bahasa yang termaktub sebagai bahasa pengantar semua bentuk komunikasi rasmi negara.

Prinsip penerimaan dan penghayatan adalah penting untuk masyarakat memahami kedudukan budaya Melayu sebagai teras budaya nasional.

Katanya, budaya sekurang-kurangnya mempunyai empat teras. Pertama, falsafah dan pemikiran seperti ilmu pengetahuan, bahasa, mitos dan cerita lisan. Kedua, warisan kebendaan termasuk **bangunan** seperti Istana Iskandariah dan **Bangunan Sultan Abdul Samad** selain alat pertanian, kapal, makanan, perabot dan sebagainya. Ketiga kesenian, yang terdiri daripada lakonan, nyanyian, lukisan, tenunan dan anyaman. Keempat adalah nilai dan norma termasuk lapan nilai yang diterapkan dalam gagasan 1Malaysia.

"Banyak nilai yang tercerna dalam nilai budi. Kita punyai ribuan pantun menjelaskan mengenai budi," katanya sambil menegaskan pendidikan sastera perlu diterapkan seawal mungkin dalam pendidikan.

Aziz berkata, Kementerian Pelajaran wajar melihat lebih mendalam kepentingan memperkenalkan subjek Kesusastraan Melayu pada peringkat sekolah rendah.

Katanya, langkah itu bukan sekadar untuk memenuhi keperluan akademik semata

mata, malah lebih kepada diskusi mengenai maksud tersirat dalam peradaban budaya Melayu secara keseluruhannya.

"Sebenarnya orang Melayu begitu kaya dengan peribahasa dan pelbagai lagi aspek budaya lain. Sebagai contoh, pantun kita cukup dikagumi masyarakat luar, tetapi kita sendiri mengabaikannya.

"Kekeliruan yang timbul mengenai pemahaman konsep 1Malaysia menjadi isu yang harus ditangani segera dengan cara berhemah dan menggunakan apa saja pendekatan termasuk memperkasakan bahasa serta budaya Melayu supaya dapat diserap masuk secara menyeluruh kepada masyarakat," katanya.

Pandangan itu diluahkan Swee Tin yang berpendapat, isu mengenai 1Malaysia tidak boleh terus dibicarakan secara tersirat tetapi perlu diluahkan dengan jujur supaya tidak terus menerus timbul keraguan mengenai pemahaman konsepnya.

"Ramai beranggapan 1Malaysia ialah menyamatarakan semua bangsa. Ia amat berbahaya sekiranya kita membiarkan anggapan ini berterusan. Dalam konteks hak sebagai rakyat Malaysia, kita perlu rujuk Perlembagaan yang menyebut bahawa semua rakyat mempunyai hak yang sama.

"Namun, dalam hal tertentu, semua bersetuju dan menerima bahawa orang Melayu mempunyai hak khusus dan tertentu. Ia mengkehendaki semua rakyat perlu menerima bahawa orang Melayu ada hak istimewa tertentu seperti termaktub dalam Perlembagaan," katanya.

Beliau turut melihat beberapa kesilapan remeh yang berlaku saban hari seperti dalam ucapan ramai pemimpin negara iaitu - "Bagi kita rakyat Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak." Ia adalah satu frasa yang tidak relevan kerana memang sudah termaktub Sabah dan Sarawak adalah Malaysia.

"Ia adalah satu kesilapan kecil tetapi mempunyai impak besar. Saya pernah duduk semeja dengan orang Iban di Miri, Sarawak. Ada ucapan di televisyen yang menyebut, rakyat Malaysia yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Jadi, orang Iban itu bertanya, aku di mana?" katanya yang melihat ia satu perkara yang perlu diambil kira.

Mengenai isu warisan budaya dalam konteks 1Malaysia, Swee Tin melihat ia sebagai satu ejen penting membentuk satu acuan yang mantap jati dirinya, tambahan pula

ketika seluruh dunia sedang berdepan dengan kemajuan teknologi moden yang sedikit sebanyak mengikis nilai budaya masyarakat.

Beliau memberi contoh, kebanyakan orang mengenali rakan di seluruh dunia dan boleh berbicara dalam pelbagai topik menggunakan teknologi maklumat tetapi mereka tidak pernah mengenali nama jiran sebelah rumah.

Justeru, beliau melihat dalam konteks mengembalikan tata susila rakyat negara ini, budaya Melayu perlu dijadikan tonggak supaya semua masyarakat dapat berbahasa dan mengamalkan budaya sama.

"Contoh jelas sudah ada. Kita sekarang dengan mudah dapat melihat orang Cina menundukkan badan dan meminta laluan jika mahu melintas di depan orang. Ia adalah budaya Melayu yang menyerap masuk dalam cara hidup orang Cina. Ia perlu berterusan begitu dan caranya adalah mengekalkan budaya Melayu sebagai tonggak," katanya.

Isu kelemahan dalam penyampaian bahasa Melayu di sekolah juga menjadi topik yang dipandang serius oleh Swee Tin. Beliau melihat ramai pelajar yang mempelajari bahasa kebangsaan itu sekadar untuk lulus peperiksaan tetapi tidak mempraktikkannya dalam kehidupan.

Lebih mengecewakan, katanya, ramai pula orang Melayu yang memandang rendah penjagaan tata bahasa bahasa Melayu apabila mereka menggunakan loghat Cina ketika bercakap Melayu.

"Kesilapan sebegini akan mengurangkan penggunaan dan akan menipiskan kecintaan. Kurangnya kecintaan, maka akan leburlah segala-gala yang diterima selama ini.

"Sama juga, ada guru yang malu bersyair depan muridnya. Sama juga dengan kefahaman guru terhadap maksud peribahasa Melayu. Siapa tahu bahawa melepaskan batok di tangga adalah mencampakkan gayung di tepi tangga selepas membasuh kaki. Batok itu gayung dan perbuatan mencampak gayung itu adalah satu sikap sambil lewa," katanya.

Negara perlu iktiraf pemimpin giat perjuangkan bahasa kebangsaan

KEPEMIMPINAN melalui teladan perlu diamalkan setiap pemimpin bermula dari

peringkat atas hingga ke bawah. Perkara ini perlu dimulakan bagi memastikan apa juga pelaksanaan untuk membentuk jati diri rakyat Malaysia mampu dilakukan. Pemimpin perlu mempamerkan contoh yang baik terutama dalam penggunaan Bahasa Melayu.

Menyedari pentingnya perkara ini, kakitangan Bahagian Media dan Komunikasi Korporat Jabatan Penerangan, **Abdul** Razak Ismail, mencadangkan supaya diwujudkan anugerah untuk ikon atau tokoh 1Malaysia pada peringkat kebangsaan dan negeri.

Syarat utama pencalonan, individu itu mesti hebat berbahasa Melayu, kata beliau yang menghadiri Forum Jati Diri Ke-4 bersama kira-kira 100 kakitangan lain Jabatan Penerangan baru-baru ini.

Kata Razak, beliau melahirkan idea itu selepas menyedari pentingnya jati diri.

Ahli panelnya, tokoh budaya yang juga bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Aziz Deraman dan Prof Madya Dr Lim Swee Tin, menyokong penuh cadangan itu.

Menurut mereka, garis panduan perlu bagi memastikan tokoh yang sesuai dan cadangan ini perlu diuar-uarkan supaya mendapat perhatian pihak berkenaan.

Seorang lagi peserta, Ahmad Badaruddin **Abdul** Haq, berpendapat penyelarasan bahasa Melayu perlu dilakukan terutama tulisan di papan tanda, iklan, **bangunan** dan nama tempat.

Katanya, semua papan tanda perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini membabitkan saiz tulisan, ketepatan ejaan, warna, jenis tulisan dan sebagainya bagi mengawal penyalahgunaan bahasa.

Pandangan itu mendapat reaksi Swee Tin. Katanya, mengapa PBT tidak mengambil langkah proaktif kerana dulu semua papan tanda dalam Bahasa Melayu tetapi kini bercampur aduk dengan pelbagai bahasa.

"Menghairankan kenapa perkara ini boleh berlaku. Sedangkan pemimpin teratas hingga ke bawah semuanya Melayu. Lebih menyedihkan kini, semakin rancak surat bukan dalam bahasa Melayu diterima.

"Saya sampai sekarang masih memulangkan surat-surat yang dihantar bukan dalam

bahasa Melayu. Saya buka elok-elok, saya tengok bahasa Inggeris, saya lipat balik surat masukkan ke dalam sampul. Saya tulis di atas sampul - 'tiada di alamat ini'. Saya pulangkan kepada asalnya," katanya ketika mengulas cadangan itu.

Oleh demikian, bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu secara menyeluruh ia memerlukan penjanaan dan kerjasama daripada semua pihak.

Seorang lagi peserta, Asiah Omar, berkata adakah perlu wujud satu bulan untuk memartabatkan Bahasa Melayu seperti sekarang kerana bukankah ia seharusnya menjadi kempen sepanjang tahun.

Swee Tin dalam ulasannya, bersetuju dengan adanya bulan bahasa itu.

"Langkah kerajaan menganjurkan Bulan Bahasa itu kena dan tepat. Bulan Bahasa yang diadakan setiap Oktober lebih berbentuk penjelasan dan pemantapan. Jika tidak ada bulan seperti itu kita tidak mempunyai ruang untuk menggembar-gemburkan sebenarnya. Di samping itu kempen lain yang seajar dengannya harus diadakan. Umpamanya, Kempen Senyum yang diamalkan di Singapura. Kempen Salam 1Malaysia, kempen berterima kasih dalam bahasa Melayu, kempen pepatah dan membaca," katanya.

Sementara itu, seorang peserta, Hartini Hashim, membangkitkan mengenai pembentukan jati diri seharusnya bermula daripada peringkat kanak-kanak. Hairul Anuar Simon, pula menekankan isu kebanyakan orang Melayu yang gagal menjadi contoh kepada kaum lain dalam penggunaan Bahasa Melayu hingga wujud orang Melayu bercakap pelat.

Forum kali ini membabitkan kakitangan Jabatan Penerangan dan mereka menyambut baik kerana memberi banyak input baru mengenai jati diri dan gagasan 1Malaysia. Omi Habibah Shariff, berkata forum itu banyak memberi maklumat kepada beliau.

"Walaupun suami saya orang Kelantan, saya tidak pernah terdedah dengan budaya Cina Peranakan Kelantan yang pandai berbahasa Melayu dan menghormati orang tempatan. Oleh itu bagi memastikan anak dididik dengan baik, perkara asas perlu diterapkan kerana semua nilai murni terkandung dalam 1Malaysia.

Demi melahirkan warga yang sayangkan negara. Ramai remaja kita yang berpendidikan tinggi tetapi tidak bertanggung jawab kepada ibu bapa apatah lagi

negara. Nilai sayangkan negara tidak ada menyebabkan mereka mudah mengutuk kepemimpinan dan negara. Ibu bapa hendaklah memulakannya dari rumah," katanya.

Sementara itu, selaku moderator, Ketua II GAPENA, Prof Datuk Dr **Abdul** Latiff Bakar, mencadangkan kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Induk Kabinet untuk Bahasa Kebangsaan memandangkan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap salah laku penggunaan bahasa Melayu.

Headline: Bukti kehebatan kita

Publication: HM

Date of publication: Aug 30, 2007

Section heading: Variasi

Page number: 08

Byline / Author: Oleh Syah Rul Aswari Abdullah

JIKA bertandang ke luar negara, pasti kita dibawa melawat kawasan bersejarah untuk melihat peninggalan dahulu yang mencatat seribu kenangan.

Tembok Besar di China, istana Taj Mahal di India dan Piramid di Mesir antara monumen **sejarah** yang amat bernilai. Ia sentiasa dikunjungi pelancong di seluruh dunia untuk melihat hasil seni dan peninggalan masyarakat dahulu kala.

Sejarah tidak pernah berbohong dan tinggalan bersejarah yang masih kekal sehingga hari ini bukti bagi menceritakan kepada generasi hari ini apa yang berlaku ratusan atau ribuan tahun lalu.

Bayangkan jika negara ini tidak mempunyai tinggalan seperti kota A Farmosa atau **bangunan** lama di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, tentu generasi sekarang tidak dapat membayangkan bentuk **bangunan**, sistem politik dan ekonomi zaman dahulu.

Kita tahu Melaka ditawan Portugis pada 1511 tetapi A Farmosa menceritakan kekuatan kuasa Eropah itu dengan **bangunan** dan sistem pertahanan serta ketenteraan yang hebat.

Bangunan bersejarah itu sendiri mampu menceritakan apa yang berlaku, kisah suka duka, tangisan malah nyawa yang menjadi taruhan. Nilainya amat tinggi kerana **sejarah** tidak mungkin berulang.

Mengunjungi **bangunan** bersejarah sama ada di dalam atau luar negara ibarat kembali ke zaman dahulu kala. Bersantai ke kawasan itu seperti nostalgia yang sukar untuk diucapkan dengan kata-kata.

Usaha pihak tertentu mengekalkan **bangunan** bersejarah mempunyai alasan kukuh kerana tanpa **sejarah**, generasi hari ini akan hilang identiti dan maruah diri.

Justeru, apabila usaha mahu merobohkan Rumah Bok di Jalan Ampang beberapa tahun dulu, ramai yang menentang.

Rumah dengan seni bina kolonial ini milik usahawan berjaya, Chua Cheng Bok dan pernah dijadikan bank ketika zaman pendudukan Jepun. **Bangunan** ini bertukar wajah kepada restoran mewah, Le Coq d'Or sebelum menutup pintunya pada 2001.

Begitu juga apabila ada ura-ura untuk mengambil alih pawagam Coliseum, **bangunan** berusia 86 tahun itu yang menjadi simbol kegemilangan zaman awal Kuala Lumpur.

Sehingga kini, 24 **bangunan** di ibu negara dikenal pasti Jabatan Muzium dan Antikuiti mempunyai nilai **sejarah** diwartakan sebagai **bangunan** Warisan Negara mengikut Akta 168 Kaedah Bendapurba 1976.

Ketika ini, semua **bangunan** berkenaan berada dalam keadaan baik dan digunakan jabatan tertentu, kecuali Balai Seni Lukis lama di Jalan **Sultan** Hishamuddin sedang dalam proses pembinaan dan dipulihara kembali.

Bangunan lama itu dirasmikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 21 Mei 1984 asalnya Hotel Majestic yang diubah suai untuk fungsi balai seni lukis.

Selain itu, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur di Jalan Raja yang dulu dikenali **bangunan** Percetakan Negara kini juga dikosongkan untuk dijadikan pejabat dan Galeri Model Kuala Lumpur.

Dua **bangunan** di bawah jagaan dan pemantauan DBKL ialah Panggung DBKL dan **bangunan** bekas Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.

Ada tiga jenis program pengekalan dilakukan terhadap 15 **bangunan** yang mempunyai nilai **sejarah** dan terletak di kawasan warisan, tetapi tidak diwartakan iaitu dikekalkan keseluruhan luar **bangunan**, contohnya Panggung Coliseum dan Pasar Seni.

Bangunan Plaza Warisan dan deretan **bangunan** di depan Pasar Seni misalnya dikekalkan sebahagian luar dan dalam **bangunan** manakala **bangunan** OCBC Bank di Jalan Tun Perak

Fakta

Bangunan - Lokasi – Kegunaan

1. **Sultan Abdul Samad** - Jalan Raja - Kosong
2. Pejabat Pos Besar Persekutuan - Jalan Raja Kosong
3. Infokraf - Jalan **Sultan Hishamuddin** - Pusat Kraftangan
4. Mahkamah Tinggi - Jalan Raja - Kosong
5. Pusat Penerangan - Jalan Tun Perak - Jabatan Penerangan
6. Standard Chartered - Jalan Raja - Muzium **Sejarah**
7. **Bangunan** Chow Kit - Jalan Belanda - Kosong
8. Dewan Bandaraya - Jalan Raja - Kosong
9. Masjid Jamek - Jalan Tun Perak - Kosong
10. Pejabat KTM - Jalan **Sultan Hishamuddin** - Pejabat KTMB
11. Stesen kereta api - Jalan **Sultan Hishamuddin** - Stesen kereta api
12. Badan Pencegah Rasuah - Jalan Sulaiman - Kosong
13. **Bangunan** Sulaiman - Jalan Damansara - Pejabat Jawi
14. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) - Jalan Pahang - Pejabat IMR
15. Hotel Majestic - Jalan **Sultan Hishamuddin** - Balai Seni Lukis Negara
16. SMK St John - Jalan Bukit Nanas - Sekolah
17. Residensi - Jalan Dato Onn - Memorial Tunku **Abdul** Rahman
18. Istana Negara - Jalan Istana - Istana
19. Memorial P Ramlee - Taman Furlong – Memorial

20. Istana Tetamu - Kebun Bunga - Hotel
 21. Percetakan Negara - Jalan Raja - Pustaka Peringatan
 22. Bekas **Bangunan JKR** - Jalan Raja - Infokaf
 23. Pusat Seni - Jalan Tun HS Lee
 24. Bahagian Polis - Jalan Semarak
- (END)

Headline: Bangunan warisan dipulihara

Publication: BM

Date of publication: Feb 26, 2006

Section heading: Main Section

Page number: 08

Byline / Author: Oleh Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan pelan pembangunan komprehensif jangka panjang dalam usaha memastikan ciri-ciri **bangunan** bersejarah di ibu kota dipulihara dan dikenalkan.

Pada masa sama, DBKL menerusi Unit Pengekalan Seni Bandar dan Warisan menjalankan pemantauan bagi memastikan ciri-ciri fizikal pada **bangunan** baru mengambil kira persekitaran fizikal sedia ada.

Ketua Pengarah DBKL, Salleh Yusup, berkata pihaknya kini dalam usaha mengenal pasti **bangunan** warisan yang perlu dikenalkan sebagai lambang warisan seni negara.

"Pemuliharaan itu sama ada dengan mengekalkan keseluruhan luar **bangunan**, sebahagian luar dan dalam **bangunan** atau **bangunan** berkenaan diroboh dan dibina semula.

"Walaupun kemajuan Kuala Lumpur bergerak begitu cepat tetapi pengekalan **bangunan** bersejarah masih diteruskan DBKL.

"Keunikan **bangunan Sultan Abdul Samad** dengan seni binanya berkonsepkan Morish amat menarik untuk tatapan generasi akan datang dan sepatutnya peninggalan sejarah itu dihargai," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pengkisahan Sejarah Kuala Lumpur sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke-32 di Perpustakaan Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengurus Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Kuala Lumpur (PSMKL), Noor Rezan Bapoo Hashim merangkap Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Naib Pengurus PSMKL, Datuk Abd Rahman Yeop.

Salleh berkata, **bangunan** yang mempunyai nilai sejarah diwartakan Jabatan Muzium dan Antikuiti sebagai **bangunan** Warisan Negara mengikut Akta 168 Kaedah Bendapurba 1976.

Beliau berkata, program pengekalan **bangunan** itu juga selaras dengan 23 pelan strategi Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2020 dalam usaha mencapai status bandar raya bertaraf dunia.

"Sejarah membuktikan Kuala Lumpur yang dibuka Raja Alang pada 1857 hanyalah sebuah kawasan perlombongan bijih timah. Kini Kuala Lumpur membangun tanpa dapat dikekang arus pemodenannya selaras dengan PSLK 2020," katanya.

Pada program itu, tiga panel khas membabitkan mereka yang terawal melihat Kuala Lumpur berkembang dari sebuah pekan kecil hingga menjadi kota kosmopolitan, berkongsi pengalaman mereka.

(END)

Headline: Tinggal seribu kenangan

Publication: BH

Date of publication: May 5, 2007

Section heading: Sabtu

Page number: 21

"ANTARA kami dengan **Bangunan Sultan Abdul Samad** seperti sudah ada ikatan yang sukar dipisahkan." Itulah antara luahan petugas mahkamah dan penulis petisyen yang sudah berkhidmat di **bangunan** ini lebih 20 tahun lalu apabila ditanya perasaan mereka apabila operasi mahkamah di sini dihentikan dan dipindahkan ke Kompleks Mahkamah Jalan Duta mulai Khamis lalu.

Beliau yang bertugas sebagai jurubahasa sejak 11 tahun lalu menganggap **Bangunan Sultan Abdul Samad** sebagai warisan paling bernilai dan menjadi lambang keagungan negara.

"Pertama kali saya menjejak kaki ke **bangunan** ini pada 1982 saya tidak begitu mengetahui sejarahnya. Bagi saya **bangunan** ini meninggalkan kesan mendalam kepada diri saya kerana ia merakamkan pembabitan saya dalam beberapa peristiwa besar yang berlaku dalam negara ketika di sini," katanya.

Bagi Muselamah, kes perbicaraan paling meninggalkan kesan padanya ialah kes membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim 80-an buat pertama kalinya dia melihat pelbagai gelagat manusia yang mengerumuni mahkamah untuk mengikuti proses perbicaraan.

"Ada yang memanjat pokok dan terjatuh, ada yang memaki hamun dan mengeluarkan kata-kata kesat kerana terlalu mengikut perasaan," katanya.

Beliau yang memulakan tugasnya pada 1982 sudah terlalu masak dengan kerenah perbicaraan sehingga mampu menduga keputusan yang akan dibuat hakim berdasarkan pengamatannya terhadap kes yang dijalankan.

"Perasaan itu saya simpan dalam hati dan terbukti apabila hakim membuat keputusan. Pada saya institusi kehakiman di negara ini adil dan saksama kerana saya hanya melihat dari sudut orang biasa," katanya.

Penulis petisyen yang mahu dikenali sebagai Lee, 68, atau lebih membiasakan dirinya Apek mengakui dia sudah menawarkan khidmat sejak 20 tahun lalu dan sudah mesra dengan pelanggan di sekitar **bangunan** itu.

Berbekalkan mesin taip model 80-an, Apek pada usia 35 tahun sudah menawarkan khidmat menulis surat petisyen dan tidak pernah menghadapi masalah ketika di sana.

"Memang sedih untuk tinggalkan tempat ini tetapi demi meneruskan hidup, saya juga akan beroperasi di kompleks mahkamah yang baru. Ini sudah kerja saya sejak dulu, susah mahu tukar kerja lain.

"Kalau dulu saya ada ramai kawan menjadi penulis petisyen tetapi kini mungkin tinggal satu dua orang saja kerana ramai sudah beralih mencari kerja lain. Ketika ini, saya masih boleh mendapat pendapatan antara RM30 dan RM50 sehari," katanya yang mengakui jumlah itu tidak sebanyak yang diperoleh ketika komputer masih belum digunakan sepenuhnya di negara ini.

Pesara guru, Masrudi Masdur, 60, mula berjinak sebagai penulis petisyen di **Bangunan Sultan Abdul Samad** sejak bersara daripada perkhidmatan guru beberapa tahun lalu.

(END)

KAWASAN SEKITAR BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD BAKAL DIJADIKAN KAWASAN WARISAN

Date: 10-05-2012

Author: / HAZ LES RHM

RAIS-KAWASAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan mencadangkan agar kawasan dalam lingkungan bangunan Keretapi Tanah

Melayu Berhad (KTMB), Masjid Negara, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka dijadikan sebagai kawasan warisan dan budaya yang mencerminkan identiti Kuala Lumpur.

Menterinya Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata kementeriannya akan bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menyiapkan kertas kerja mengenai pelaksanaan cadangan tersebut.

"Kita mencari jalan bagaimana Kuala Lumpur harus dijelmakan sebagai sebahagian daripada warisan ketara, kita mempunyai Brickfields sebagai Little India, Petaling Street sebagai China Town tetapi kita belum lagi ada perlambangan berhubung dengan pekan Melayu atau jalan Melayu, yang ada di Jalan Tuanku Abdul Rahman boleh dikatakan sudah tidak memberikan wajah (Melayu) lagi.

"Jadi kita akan beri terjemahan baru dan memohon supaya kabinet memberi persetujuan tentang perancangan baru yang akan memberi wajah serta identiti yang boleh kita banggakan bersama," katanya kepada pemberita selepas mengisyiharkan 154 butiran sebagai warisan kebangsaan di sini hari ini.

Rais berkata sekiranya cadangan itu diluluskan kabinet, ia akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh agar penceritaan tentang warisan sentiasa berada di tahap tertinggi.

Selain itu, beliau menyarankan agar Jabatan Warisan Negara mewujudkan kelas celik warisan di negeri-negeri atau jabatan kerajaan serta kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

"Ia perlu dilaksanakan bagi memberi beberapa jendela pengetahuan seni budaya dan perkara-perkara yang berkaitan dengan identiti kebangsaan kita, tidak kira sama ada Cina, India, Melayu atau sebagainya.

"Misalnya Putrajaya, apa di sebalik bangunan di situ, ini harus diberi gambaran yang jelas, apa yang ada pada pantun Melayu yang perlu kita dukung, begitu juga dengan tulisan jawi," katanya.

-- BERNAMA

HAZ LES RHM

LAMPU WARNA-WARNI TARIKAN BARU BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD

Date: 03-09-2010

Author: Mohd Yusof Saari / MYS SHY MAI

RAIS-LAMPU

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Kompleks Sultan Abdul Samad, antara mercu tanda di bandar raya ini dan bangunan warisan kebangsaan di Dataran Merdeka, kini mempunyai tarikan baru pada waktu malam menerusi pencahayaan lampu sorot berwarna-warni.

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan telah mengambil inisiatif menghias bangunan warisan itu yang dibina pada tahun 1894 dan diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan dalam kategori Tapak Warisan pada 2007 oleh Jabatan Warisan Negara.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, yang menyaksikan dimensi baru bangunan itu dari Dataran Merdeka malam tadi, berkata inisiatif untuk menghias bangunan warisan dengan teknik pencahayaan perlu diteruskan kerana ia mampu memberi impak kepada nilai seni dan warisan.

Beliau berkata selain berupaya menggantikan kehadiran pelancong, ikhtiar seperti itu juga mampu menambah nilai kepada bangunan tersebut, khususnya daripada segi nilai estetik pada waktu malam.

"Saya yakin jika penyajian pencahayaan ini diteruskan maka tarikan kepada pelawat akan bertambah. Kami akan cuba melihat lagi bagaimana pencahayaan ini dapat ditambah ke bangunan lain.

"Saya merasa tertarik untuk meneruskan kegiatan seperti ini kerana nilainya itu sangat sesuai dengan nilai seni dan warisan," katanya.

Sistem pencahayaan lampu yang menggunakan lampu dioda atau LED (Light Emitting Diode) yang lebih cekap tenaga yang boleh ditukar kepada ribuan teknik pencahayaan dan dikawal sepenuhnya oleh sistem komputer itu mula dibina pada 9 Ogos lalu dan telah dicuba penggunaannya pada malam sambutan kemerdekaan pada 30

Ogos lepas.

Pemasangan sistem lampu itu yang akan turut melibatkan bangunan Pejabat Pos Lama masih di peringkat percubaan, dibuka seawal 6 petang dan dipadamkan pada 6 pagi.

Rais berkata dengan adanya teknik pencahayaan baru itu ia mampu memeriahkan lagi sambutan majlis-majlis kebangsaan seperti Hari Kemerdekaan, Hari Malaysia dan sambutan Hari Wilayah Persekutuan, yang biasanya diadakan di perkarangan kompleks tersebut.

Beliau berharap sistem pencahayaan itu dapat diperluaskan kepada Muzium Tekstil dan Bangunan Restoran Warisan yang berdekatan dengan kompleks berkenaan.

Katanya penataan cahaya pada bangunan bersejarah itu juga secara tidak langsung mampu menarik golongan muda memahami sejarah khususnya mengenai sejarah pembinaan kompleks itu.

"Kita yang tinggal di Kuala Lumpur jarang sekali bertanya mengenai bila bangunan ini didirikan, siapa yang mendirikan, apa ertinya bangunan ini pada sebelum dan selepas Merdeka.

"Oleh kerana itu, sudah tentu generasi muda perlu bertanya mengenainya, maka sebab itulah kementerian mengambil inisitif ini apabila sesuatu yang indah dilihat, kita terasa bahawa ini kepunyaan negara, jadi kita akan bangga berada di Kuala Lumpur dan Malaysia," kata Rais.

Beliau berkata penambahan aspek pencahayaan kepada bangunan itu membuktikan Malaysia juga berkeupayaan untuk menyerikan bangunan-bangunan bersejarah seperti yang dilakukan di luar negara.

"Sebarang penambahan atau pengubahsuaian kepada bangunan tersebut tidak boleh dibuat sesuka hati sejajar dengan statusnya sebagai bangunan warisan," kata Rais.

Beliau berkata aspek pemancaran cahaya juga perlu dikawal dari segi sudut letak lampunya sama ada ia bertepatan dengan susunan tembok dan batu bata juga harus dijaga agar tidak hilang keasliannya.

"Dalam konteks warisan, perkara ini sangat mustahak untuk diambil kira. Inilah sumbangan kementerian untuk zaman akan datang agar ia dinilai setimpal yang akan mewujudkan satu perasaan cintakan tanah air," katanya.

Menurut pengarah projek, Azlan Abass dari syarikat Al Saah Sdn Bhd, sistem lampu kinetik bergerak yang dikawal dengan sistem komputer itu adalah yang pertama kali dibuat di negara ini.

Katanya pemasangan lampu tersebut mampu menyerlahkan lagi pesona dan karakter pada setiap bangunan dan mercu tanda bagi sesebuah negara.

"Ketika ini syarikat kami masih melatih kakitangan KPKK untuk mengendalikan perisian lampu tersebut. Selepas ini mereka boleh kendalikan sendiri dan mencipta teknik pencahayaan berdasarkan tema yang dikehendaki," katanya.

-- BERNAMA
MYS SHY MAI

LAMAN SANTAI DI BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD JIKA DAPAT SAMBUTAN

Date: 05-01-2008

Author: / NSS HAZ BK

Rais-Laman

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Program Laman Santai di Laman Beringin, Istana Budaya di sini yang berkonsepkan santai sambil berhibur akan diadakan di perkarangan Bangunan Sultan Abdul Samad sekiranya mendapat sambutan yang menggalakkan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata program itu yang bermula November lepas memberi peluang kepada masyarakat menjamu selera bersama keluarga dan rakan sambil menikmati pelbagai persembahan kebudayaan.

"Jika sambutan terhadap Laman Santai di sini meningkat, ia akan dibawa ke Bangunan Sultan Abdul Samad, manakala sajian makanan pula akan dipelbagaikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program itu di Laman Beringin, Istana Budaya di sini malam ini.

Beliau berkata selain pelbagai persembahan kebudayaan seperti tarian, lagu-lagu rakyat dan dikir barat, pengunjung juga berpeluang membeli lukisan dan kraftangan yang dipamerkan.

Katanya Laman Santai yang diadakan setiap Sabtu mulai 6 petang hingga 12 malam akan dipantau oleh pegawai kementerian termasuk beliau sendiri secara bergilir-gilir.

"Dulu, kita pernah buat Laman Seni yang menampilkan karya seni dan budaya Malaysia. Kali ini (Laman Santai) nak ubah sedikit konsep supaya masyarakat tidak berasa formal," katanya.

-- BERNAMA

NSS HAZ BK

BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD ANTARA 50 KHAZANAH NEGARA

Date: 02-07-2007

Author: / FZR LNH NH MAI

Warisan

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Bangunan Sultan Abdul Samad yang dibina pada 1897 adalah antara 50 khazanah negara yang akan diumumkan sebagai warisan kebangsaan sempena sambutan 50 tahun Kemerdekaan.

Pesuruhjaya Warisan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Prof Siti Zuraina Abdul Majid berkata pengisytiharaan 50 warisan kebangsaan ini, yang akan dibuat di Bangunan Parlimen pada Jumaat ini, juga termasuk stesen Keretapi Tanah Melayu yang siap dibina pada 1910.

Khazanah ini dipilih berdasarkan kepada kepentingannya kepada sejarah negara selain seni bina dan peranan sesuatu khazanah itu pada zamannya, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sempena pengisytiharan itu oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Rais Yatim, sistem daftar warisan kebangsaan, yang merupakan pangkalan data pendaftaran yang mengandungi segala maklumat mengenai setiap warisan kebangsaan yang telah diwartakan, akan diperkenalkan.

Katanya pameran mengenai pemuliharaan warisan akan diadakan manakala program Jejak Warisan pula akan disertai seramai 300 pelajar yang dipilih dari lapan sekolah dari kawasan pedalaman agar mereka lebih peka dan menghargai tinggalan sejarah di sini dan yang ada di tempat mereka.

"Saya berharap masyarakat akan mempunyai lebih kesedaran dan peka terhadap warisan tinggalan negara melalui program yang diatur," katanya.

-- BERNAMA

FZR LNH NH MAI

KOMPLEKS SENI BUDAYA & WARISAN DI BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD

Date: 10-11-2006

Author: / LIB HK AZH

Rais-Bangunan

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Kerja-kerja pengubahsuaian Bangunan Sultan Abdul Samad di Jalan Raja di sini akan dimulakan bulan April tahun depan, bagi membolehkan ia menjadi ibu pejabat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (Kekkwa), dan turut menempatkan Kompleks Seni Budaya dan Warisan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata Mahkamah Tinggi bahagian dagang yang masih beroperasi di bangunan yang terletak di hadapan Dataran Merdeka itu, akan dipindahkan sepenuhnya ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di Jalan Duta, hujung tahun ini.

Beliau berkata pemindahan Kekkwa ke bangunan yang dibina pada tahun 1894 itu dijangka dapat dilakukan hujung tahun depan selepas kerja-kerja pengubahsuaian dan pemuliharaan disiapkan.

"Sepuluh kontraktor sudah disenarai pendek untuk menjalankan kerja-kerja mengubahsuai dan memulihara bangunan bersejarah ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan lebih sejam di bangunan berkenaan hari ini, dengan diiringi Ketua Setiausaha kementerian Datuk Zakiah Ahmad serta beberapa pegawai kementerian dan pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR).

Bangunan dua tingkat yang dibina pada tahun 1894 itu adalah hasil reka bina arkitek kanan JKR, seorang warga British Anthony Charles Alfred Norman, yang menampilkan ciri-ciri seni bina Moorish.

Rais berkata pemilihan kontraktor akan dibuat oleh JKR, Kementerian Kewangan dan Kekkwa, dan menurutnya pihak-pihak berkenaan akan memastikan bahawa hanya kontraktor yang benar-benar layak mengendalikan kontrak itu akan dipilih.

"Kontraktornya perlu yang celik warisan supaya seni yang terdapat di bangunan ini tidak tersentuh atau rosak, dan kerja-kerja pengubahsuaian ini haruslah mengekalkan ciri-ciri kesenian asal bangunan ini," katanya.

Katanya selain pengubahsuaian, apa yang penting adalah untuk mengekalkan ciri-ciri seni serta budaya supaya terus terpelihara dan tidak rosak semasa kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan, dan menurutnya kerajaan sudah memperuntukan antara RM30 juta dan RM35 juta bagi tujuan itu, yang turut merangkumi kos penempatan semula.

Beliau berkata pemindahan Kekkwa ke bangunan itu adalah bersesuaian dengan fungsinya yang turut bertanggungjawab dalam memulihara bangunan lama serta kesenian dan budaya negara.

Rais berkata komplek bangunan itu akan menempatkan bahagian pentadbiran, pertunjukkan, serta jabatan yang berkaitan dengan warisan seni budaya, manakala pejabat menteri, timbalan menteri dan ketua setiausaha perlu "disesuaikan mengikut keperluan".

Beliau berkata dengan pengambilalihan bangunan itu oleh Kekkwa,

kementerian itu akan bertanggungjawab terhadap pengurusan tempat letak kereta dan pertunjukkan awam di Dataran Merdeka serta di sekitar bangunan itu, dan ini bermakna ia bukan lagi di bawah kawal selia dan tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ia bertujuan menyeragam dan menyelaras dengan lebih baik, sebarang acara pementasan, dan juga projek pelancongan budaya yang dijalankan, bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan, katanya.

-- BERNAMA

LIB HK AZH

Sumber : <http://blis.bernama.com/mainHome.do>

Tarikh Akses : 4 Julai 2012